

EcoWorld jual tanah RM119j di Johor kepada firma China

Eco World Development Group Bhd (EcoWorld Malaysia) menjual 13.31 hektar tanah perindustrian di Johor kepada Deye New Energy Technology (Malaysia) Sdn Bhd pada harga RM119 juta.

Tanah itu terletak di Eco Business Park II (EBP II) di Senai, Iskandar Malaysia, kata EcoWorld Malaysia dalam satu kenyataan semalam.

Deye ialah sebahagian daripada Ningbo Deye Technology Co, pengeluar penyongsang kuasa China, yang telah mengumumkan rancangan untuk melabur sehingga AS\$150 juta (RM670 juta) dalam pangkalan pembuatan baharu bagi peralatan solar di Malaysia.

Ningbo Deye ialah salah satu perusahaan teknologi tinggi China dan pemain utama dalam

pasaran penyongsang solar global.

Ia khusus untuk menyediakan penyelesaian sistem kuasa fotovoltaik yang lengkap, termasuk penyelesaian loji kuasa kediaman dan komersial.

"Penandatanganan hari ini (semalam) menunjukkan daya tarikan berterusan Eco Business Park kami kepada industrialis China, terutama syarikat dalam sektor ekonomi baharu, teknologi tinggi dan pertumbuhan tinggi.

"Sebagai pengeluar terkemuka sistem fotovoltaik suria yang komprehensif, kehadiran Deye di sini sejajar dengan matlamat kami untuk bekerjasama dengan syarikat yang memberi sumbangan positif untuk mengurangkan jejak karbon kolektif kami," kata Timbalan Ketua Pegawai

Eksekutif Ecoworld Malaysia, Liew Tian Xiong.

Deye juga boleh meningkatkan profil Malaysia dalam ruang tenaga boleh diperbaharui kerana ia akan mengeluarkan kedua-dua penyongsang solar dan sistem storan tenaga di kemudahan bahan runya di EBP II, di mana ia bertujuan untuk melayani pasaran Asia Tenggara.

Memandangkan permintaan untuk sistem suria meningkat bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di rantau ini, pelaburan Deye akan membantu meningkatkan industri solar tempatan, mewujudkan peluang pekerjaan dalam pembuatan alat ganti dan peralatan sampingan, pemasangan, penyelenggaraan dan sektor lain yang berkaitan, menurut kenyataan itu.

BERNAMA

Sebagai pengeluar terkemuka sistem fotovoltaik suria yang komprehensif, kehadiran Deye di sini sejajar dengan matlamat kami untuk bekerjasama dengan syarikat yang memberi sumbangan positif untuk mengurangkan jejak karbon kolektif kami

Liew Tian Xiong,
Timbalan
Ketua
Pegawai
Eksekutif
Ecoworld
Malaysia

BERNAMA

